



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ حَالِ الْهَوَالِ الْاِسلامِ نِغَرِي سَابَاڤْ

KHUTBAH HARI RAYA AIDILFITRI 1446H/2025M

Tajuk:

"AIDILFITRI: SYUKURI KESUCIAN DIRI, ERAT SILATURAHIM"

Disediakan oleh:

Penerbitan Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

KHUTBAH HARI RAYA AIDILFITRI

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ * اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ * وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَى
وَالْفُرْقَانِ فَمَن شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّةٌ
مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ
وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ عَلَى مَا هَدَاكُمْ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾ (البقرة: 185)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ

مُسْلِمُونَ ﴿١٠٣﴾ (آل عمران: 102)

SIDANG JEMAAH AIDILFITRI YANG DIRAHMATI ALLAH SWT

Pada pagi Syawal yang mulia ini, marilah kita rafakkan puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia serta izin-Nya jua, kita dapat mengimarahkan bulan Ramadan al-Mubarak yang baru berlalu pergi dengan menunaikan ibadah puasa dan melakukan amal soleh yang lainnya. Sudah pasti menjadi harapan kita agar ibadah puasa serta amal-amal kebajikan yang telah kita kerjakan sepanjang bulan penuh rahmat diterima oleh Allah SWT seterusnya menganjukkan darjat kita ke maqam takwa yang sebenar-benarnya di sisi-Nya Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani serta beroleh kebahagiaan hidup di dunia dan juga di akhirat.

Kini, kita merayakan Aidilfitri yang merupakan hari kemenangan bagi umat Islam atas kejayaan menyempurnakan ibadah puasa selama sebulan pada bulan Ramadan. Oleh yang demikian, kita mengumandangkan alunan takbir, tahmid, tahlil dan takdis bagi menzahirkan puji-pujian dan kesyukuran kepada Allah SWT atas kurniaan nikmat kepada kita yang tidak terhitung banyaknya sesuai dengan anjuran Islam melalui firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 185 yang dibacakan pada awal khutbah ini yang **bermaksud**: "*...Dan juga supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), dan supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat petunjuk-Nya, dan supaya kamu bersyukur.*"

Sehubungan dengan itu, khatib mengambil kesempatan ini untuk mengajak hadirin sekalian supaya menghayati dan menterjemahkan bersama tajuk khutbah Aidilfitri pagi ini, iaitu ***"Aidilfitri: Syukuri Kesucian Diri, Erat Silaturahmi."***

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

JEMAAH AIDILFITRI YANG DIRAHMATI ALLAH

Ramadan merupakan bulan penyucian diri di mana setiap Muslim diberi ruang dan kesempatan untuk memohon keampunan daripada Allah SWT akan dosa yang dilakukan, melatih diri untuk mengawal hawa nafsu, dan mendekatkan diri kepada Allah SWT melalui perlaksanaan amalan fardu

dan sunat secara istiqamah, manakala Aidilfitri pula adalah masa untuk mensyukuri kesucian diri yang telah kita raih dengan meraikan Hari Raya Aidilfitri sebagai tanda pengakuan kita akan kebesaran Allah SWT dan keluasan rahmat-Nya kepada kita.

Firman Allah SWT dalam surah Ibrahim, ayat 7:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

Maksudnya: “Dan (ingatlah) tatkala Tuhan kamu memberi tahu: Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar, sesungguhnya azab-Ku amatlah keras.”

Ayat ini memberikan mesej yang jelas kepada setiap Muslim agar sentiasa bersyukur atas segala rahmat dan nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT termasuklah nikmat meraikan Hari Raya Aidilfitri yang menjadi simbol kemenangan dan kegembiraan setelah berpuasa sebulan di bulan Ramadan dengan memelihara kesucian diri dan mengeratkan hubungan silaturahmi sesama kita.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

JEMAAH AIDILFITRI YANG MULIA

Mensyukuri nikmat Aidilfitri boleh dizahirkan dengan pelbagai cara antaranya mengucapkan lafaz takbir, tahmid, tahlil dan takdis sebagai mengagungkan Allah SWT atas segala rahmat dan nikmat kurniaan-Nya. Selain itu, umat Islam juga dianjurkan supaya melakukan perkara yang berikut:

Pertama, Meneruskan Amalan Kebajikan Secara Istiqamah.

Aidilfitri bukanlah noktah untuk memperbaiki diri, tetapi merupakan gerbang untuk kita meneruskan amalan kebajikan yang telah dilaksanakan sepanjang Ramadan. Setelah sebulan penuh berusaha mengawal hawa nafsu dan mendekatkan diri kepada Allah, kini saatnya untuk menjadikan setiap amalan mulia yang kita lakukan sepanjang Ramadan sebagai amalan rutin dalam kehidupan kita sehari-hari.

Kedua, Bersyukur dengan Memelihara Akhlak Mulia.

Bulan Ramadan melatih kita untuk menjadi hamba yang sabar, rendah hati, prihatin dan pemurah. Akhlak mulia ini seharusnya dipraktikkan secara konsisten dalam kehidupan kita sehari-hari sebagai usaha melestarikan kesejahteraan hidup beragama dan bermasyarakat. Sesungguhnya berakhlak baik adalah besar pahalanya sebagaimana sabda Nabi Muhammad SAW yang **bermaksud**: *“Tiada sesuatu yang lebih berat dalam timbangan seorang mukmin kelak pada hari Kiamat daripada akhlak yang baik. Sesungguhnya Allah SWT amatlah murka terhadap seseorang yang keji lagi jahat.”* (HR Tirmizi)

Ketiga, Menghargai Kemenangan Spiritual dengan Kesederhanaan.

Sebagai seorang muslim, Aidilfitri semestinya diraikan dengan penuh kegembiraan sebagai tanda kemenangan spiritual, namun dalam masa yang sama turut diinsafi dengan kesederhanaan. Amalan kesederhanaan merupakan cara untuk mengawal diri daripada tergoda dengan pesona kehidupan duniawi. Dalam kerangka kesederhanaan ini, budaya berlebihan dan membazir sama ada dalam soal berpakaian mahupun makan dan minum semasa merayakan Aidilfitri hendaklah dielakkan. Sebaliknya, imarahkanlah amalan berkongsi rezeki dengan mereka yang memerlukan, termasuk fakir miskin dan anak yatim, sebagai tanda bersyukur dan cakna terhadap keperluan golongan berkenaan.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

JEMAAH AIDILFITRI YANG DIKASIHI ALLAH SWT

Pada hari Aidilfitri yang mulia ini, sewajarnya kita mengeratkan silaturahmi sesama kita dalam kerangka memperkukuh kesatuan dan perpaduan umat Islam. Hubungan Mukmin dengan Mukmin digambarkan laksana sebuah binaan yang saling kuat menguatkan antara satu sama lain. Tambahan pula, mengeratkan tali silaturahmi dapat melapangkan pintu rezeki dan memanjangkan umur sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang **bermaksud**: *“Sesiapa yang mahu dilapangkan (dimurahkan) baginya rezeki (dalam keberkatan) atau dipanjangkan umur (dalam keberkatan) maka hubungkanlah tali silaturahim,”* (HR Bukhari dan Muslim)

Sehubungan dengan itu, antara langkah bagi mengerat silaturahmi adalah sebagaimana yang berikut:

Pertama, Saling Bermaafan.

Aidilfitri adalah masa terbaik untuk bermaaf-maafan dan melupakan segala sengketa di kalangan ahli keluarga, jiran tetangga, rakan taulan dan masyarakat. Amalan terpuji ini mencerminkan kebesaran hati untuk saling memaafkan, melenyapkan perasaan amarah dan menjernihkan kembali hubungan yang keruh. Inilah fitrah manusia yang mempunyai keinginan untuk hidup dalam kedamaian dan berkasih sayang.

Kedua, Amalan Ziarah-Menziarahi.

Pada hari Aidilfitri ini, kita sangat dianjurkan untuk menziarahi sanak-saudara mahupun rakan dan taulan sama ada melalui rumah terbuka dan seumpamanya. Ini kerana amalan ini merupakan wahana yang dapat membina hubungan persaudaraan yang lebih erat di samping sebagai langkah berkesan dalam meleraikan persengketaan mahupun prasangka yang mungkin wujud.

Ketiga, Meraikan Persamaan, Menghormati Perbezaan.

Bersatu dalam kepelbagaian adalah kekuatan umat Islam. Meskipun mungkin wujud perbezaan pendapat atau salah faham dalam isu tertentu, ia seharusnya tidak menjadi batu penghalang untuk kita mengutamakan perpaduan. Firman Allah SWT dalam surah ali-Imraan, ayat 103 yang **bermaksud**: *“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai.”* Justeru itu, kita perlu bersatu meraikan persamaan serta berlapang dada dalam menghormati perbezaan bagi melestarikan keharmonian dan kesatuan ummah.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

HADIRIN SEKALIAN YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Aidilfitri adalah hari kemenangan yang sangat bermakna dengan mensyukuri kesucian diri hasil tarbiah puasa Ramadan. Malahan ia juga dapat diteruskan dengan amal-amal kebajikan agar kita dapat menjalani kehidupan yang lebih baik dan diredai oleh Allah SWT. Ingatlah bahawa Aidilfitri yang kita raikan bukanlah sekadar perayaan, akan tetapi detik

yang mengingatkan kita bahawa kebahagiaan yang sebenar terletak pada hati yang suci, jiwa yang ikhlas, dan niat untuk terus menjadi insan yang lebih baik.

Sebelum mengakhiri Khutbah Khas Aidil Fitri tahun ini, khatib turut menitipkan pesan bersempena sambutan ulang tahun Eastern Sabah Security Command atau ESSCOM yang ke-12 pada 01 April ini, marilah kita bersama-sama menggembleng tenaga mendukung usaha pihak ESSCOM dan pasukan keselamatan dengan menyalurkan maklumat sebarang insiden keselamatan khususnya di pantai Timur Sabah demi mengekalkan keamanan, kesejahteraan dan kedaulatan negara kita.

Justeru itu marilah kita berdoa ke hadrat Allah SWT memohon agar kita dikurniakan umur yang panjang lagi dikurniakan kesempatan bertemu dengan bulan Ramadan pada tahun yang mendatang. Pada masa yang sama, marilah kita memanfaatkan Syawal yang mulia ini dengan melaksanakan pula puasa sunat enam hari, yang mana ganjaran pahalanya seolah-olah kita berpuasa sepanjang setahun berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang **mafhumnya**: *“Barang siapa yang berpuasa di bulan Ramadan kemudian mengiringinya dengan berpuasa enam hari dalam bulan Syawal, maka puasanya itu adalah menyamai setahun penuh.”* (HR Muslim)

Mudah-mudahan kita meraih ganjaran pahala yang selayaknya hasil ketaatan kita kepada perintah dan tegahan Allah dan Rasul-Nya selaras dengan firman-Nya di dalam surah al-An'aam, ayat 160:

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَى إِلَّا مِثْلَهَا
وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿١٦٠﴾

Yang **bermaksud**: *“Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya; sedang mereka tidak dianiaya (sedikitpun).”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

**KHUTBAH KEDUA HARI RAYA AIDILFITRI
TAHUN 1446H/2025M**

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ
الْمُشْرِكُونَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا وَزُخْرِنَا وَقُدُّوتِنَا وَأُسُوتِنَا مُحَمَّدٍ إِمَامِ
الْمُتَّقِينَ وَقَائِدِ الدُّعَاةِ الْمُجَاهِدِينَ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ سَارَ عَلَى نَهْجِهِ وَجَاهَدَ
بِجِهَادِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ فَقَدْ فَازَ
الْمُتَّقُونَ. وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى.

فَقَالَ تَعَالَى فِي كِتَابِ الْعَظِيمِ:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ كَرِيمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنَّا وَعَنْ وَالدِّينَا وَعَنْ جَمِيعِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ إِيمَانًا كَامِلًا،
وَيَقِينًا صَادِقًا، وَلِسَانًا ذَاكِرًا، وَقَلْبًا خَاشِعًا، وَعَمَلًا صَالِحًا مُتَقَبَّلًا.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ الْعَافِيَةَ مِنْ بَلِيَّةٍ، وَنَسْأَلُكَ تَمَامَ الْغِنَى عَنِ النَّاسِ. اللَّهُمَّ حَبِّبْ
إِلَيْنَا الْإِيمَانَ وَزَيِّنْهُ فِي قُلُوبِنَا، وَكَرِّهِ إِلَيْنَا الْكُفْرَ وَالْفُسُوقَ وَالْعِصْيَانَ، وَاجْعَلْنَا
مِنَ الرَّاشِدِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ. وَأَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَالنِّفَاقَ وَالْمُنَافِقِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ مَلِكَنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَقْرَتَوَانْ أَكُوغْ
وَفَخَامَةَ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَقْرَتَوَانْ نَكْرِي سَابَه وَأَيَّمَتْنَا وَوَلَاتْ أُمُورِنَا،
وَاجْعَلْ وَلَايَتْنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah
Palestin, kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.
Kurniakanlah kejayaan, kemerdekaan dan pembebasan diri daripada
kezaliman yang berlaku.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Berikanlah ketabahan, kecekalan, keyakinan dan perlindungan kepada anggota pasukan keselamatan semasa menjalankan tugas. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يُعْظِمُ لَكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



Disediakan oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

"تقبل الله منا ومنكم"

SELAMAT MENYAMBUT AIDILFITRI TAHUN 2025
MAAF ZAHIR DAN BATIN
DARI KAMI KAKITANGAN JHEAINS SELURUH SABAH